



IQRA'

Bil. 8/2024
OGOS



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

- Shah Alam : Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah,
Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
- Melaka : Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
- Perlis : Khairil Izwan Hasan
- Sabah : Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
- Kedah : Mohd Amiruddin Mohd Nasir
- Pulau Pinang : Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
- Kelantan : Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
- Perak : Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
- Sarawak : Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
- Pahang : Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
- Terengganu : Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
- Johor : Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
- N. Sembilan : Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
- Selangor : Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee,
Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak,
Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

BENKEL ASAS PENJILIDAN OLEH PTAR UITM KAMPUS SERI

OGOS 1, 2024



Program: Program Misi Akademik UiTM Cawangan Terengganu – Lawatan Pelajar Kolej Vokasional Kuala Berang ke Perpustakaan Cendekiawan

Ringkasan:

Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menerima kunjungan lawatan daripada 20 orang pelajar Kolej Vokasional Kuala Berang, Hulu Terengganu, dan diiringi oleh 8 orang guru. Delegasi lawatan telah dibawa bersama melihat persekitaran perpustakaan sambil diberi penerangan oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, Unit Perkhidmatan Perpustakaan.



BENGKEL SPEED READING

OGOS 2, 2024



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengadakan Program Budaya Ilmu: Bicara Kerjaya Bersama Alumni yang bertajuk Prospek Kerjaya Industri Benih. Program ini telah diadakan di Ruang LCE (Learning Community Engagement) Aras 1 PTAR Jasin dan secara atas talian di YouTube Live.

Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai cabaran semasa dan akan datang dalam dunia kerjaya yang akan diceburi. Selain itu, dengan adanya program seperti ini dapat meningkatkan lagi tahap keyakinan diri peserta dalam mengenali potensi diri mereka sehingga dapat membantu memilih kerjaya yang bersesuaian.



PENYELARASAN PROGRAM LITERASI MAKLUMAT SMK SULTAN AZLAN SHAH

SEPTEMBER 2, 2024



Tarikh: 2 Ogos 2024/ 27 Muharram 1446 (Jumaat)

Masa: 11:00 pagi

Tempat: Bilik Mesyuarat Utama, PTAR

Wakil PTAR:

Siti Salwa A. Rahman

Mohd Khairul Idzwan Mohd Saad

Ringkasan:

Sesi perbincangan penyelarasan tugas antara PTAR dan Majlis Perwakilan Pelajar bagi memastikan kelancaran program Literasi Maklumat Komuniti Sekolah pada 2 hingga 4 Ogos 2024.



1 STAF 1 BUKU : RESENSI@PTAR

OGOS 7, 2024



The poster features the logos of the 25th anniversary of UiTM and the Universiti Teknologi MARA. The main title is 'Program 1 Staf 1 Buku: Resensi@PTAR'. Below the title, a yellow box contains the event details: 'Tarikh: 7 Ogos 2024 (Rabu)', 'Masa: 9 pagi - 10 pagi', and 'Tempat: Bilik Mesyuarat PTAR, UiTM CPP'. At the bottom, three book covers are displayed with their respective reviewers: 'Pada Pahitnya Secawan Kopi' by Aidil Ghazali reviewed by Puan Azriena Yusuf; 'Takadir Itu Milik Aku' by Siti Rosmizah reviewed by Puan Haslina Hamid; and 'Will You Stay?' by Nurhafsa Hamid reviewed by Cik Rabiatal Adawiyah Sanusi. The footer includes the UiTM logo, the motto 'اوسها، تقوى، موليا', and social media icons for Facebook, Instagram, Twitter, and YouTube.

PTAR UiTM CPP Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program 1 Staf 1 Buku : Resensi@PTAR. Program yang berlangsung selama satu jam ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat PTAR dan dihadiri oleh 19 orang staf PTAR UiTM CPP dan 6 orang pelajar praktikal perpustakaan.

Program ini diadakan untuk menyemarakkan amalan membaca sebagai gaya hidup rakyat Malaysia amnya dan kepada staf perpustakaan khususnya. Selain itu, objektif lainnya ialah untuk menggalakkan staf perpustakaan membuat pinjaman buku di perpustakaan dan memanfaatkan bahan bacaan yang ada di perpustakaan.

Seramai 3 orang pengulas buku yang terdiri daripada staf PTAR UiTM CPP dan pelajar praktikal dijemput untuk mengulas bahan bacaan masing-masing pada sesi kali ini iaitu Puan Nur Azriena Yusuf, Puan Haslina Hamid dan Cik Rabiatal Adawiyah Sanusi. Sesi ini diharap dapat dijalankan secara berkala sebagai satu cara perkongsian ilmu di antara staf perpustakaan.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI SEKOLAH: SPEED READING

OGOS 15, 2024



Selamat Datang
SMK Bandar Perda
ke
Program Khidmat Komuniti Sekolah : Speed Reading
15 Ogos 2024 | Khamis
2.30 petang - 3.30 petang
Pusat IT, PTAR
UiTM Cawangan Pulau Pinang

UiTM di hatiku اوسها، تقوى، موليا ptar@utmpp

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menerima kunjungan daripada pelajar tingkatan 5 SMK Bandar Baru Perda, Pulau Pinang pada 15 Ogos 2024 yang lalu. Kunjungan ini adalah salah satu sesi yang diadakan di dalam Program Khidmat Komuniti Sekolah yang telah dijalankan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Seramai 37 orang pelajar bersama 4 orang guru pengiring telah hadir untuk mengikuti kelas Speed Reading yang diadakan di Pusat IT, PTAR UiTM CPP. Sesi yang berlangsung selama satu jam setengah ini telah disampaikan oleh Puan Nur Azriena Yusuf dan Puan Noor Sapiza Tajuddin selaku fasilitator Speed Reading petang itu. Antara lainnya, pelajar diberikan pendedahan awal tentang bacaan pantas tanpa mengurangkan pemahaman tentang teks yang dibaca dan teknik-teknik bacaan pantas yang boleh diaplikasi di dalam pembacaan seharian.

Program diakhiri dengan majlis penyampaian cenderahati dan sesi bergambar bersama-sama semua pelajar dan guru pengiring yang hadir.

BUAL@IMPAK PROFESOR DATUK DR. MOHD AZRAAI KASSIM

OGOS 15, 2024



Rakaman program Bual@IMPAK menampilkan bekas Naib Canselor UiTM ke-5 Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mohd Azraai Kassim (15 Februari 2019-14 Februari 2022) bagi berkongsi sudut pandang beliau mengenai UiTM. Antara yang menarik dikongsikan beliau ialah UiTM mampu menjadi sebuah universiti yang hebat dan menyumbang ke arah kesejahteraan ekonomi negara apabila warganya memiliki minda berdaya saing dan memaksimumkan penggunaan sumber yang dimiliki.



TAHNIAH, KETUA PUSTAKAWAN UITM TERPILIH MENERIMA ANUGERAH TADBIR URUS KREATIF & INOVATIF

OGOS 20, 2024



20 Ogos 2024/ 15 Safar 1446 (Selasa)

Setinggi tahniah diucapkan buat Ketua Pustakawan UiTM Ts Haji Azizi bin Haji Jantan kerana terpilih bagi menerima Anugerah Gangsa bagi kategori Tadbir Urus Kreatif & Inovatif sempena sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam 2024 yang diadakan di Double Tree Resort, Pulau Pinang pada 20 hingga 21 Ogos 2024.

Ts Haji Azizi telah diwakili oleh Encik Nor Amiruddin Mokhtaruddin, Ketua Timbalan Pendaftar, Pejabat Pendaftar UiTM.



SEKSYEN SUMBER KANDUNGAN DIGITAL : SELAMAT DATANG PELAJAR LATIHAN INDUSTRI SESI OGOS 2024

OGOS 20 , 2024



Masa: 8:30 pagi – 5:00 petang

Tempat: Seksyen Sumber Kandungan Digital PTAR UiTM Shah Alam

Peserta: 4 orang Pelajar Intern

1. Ringkasan:
2. 1. Seksyen Sumber Kandungan Digital, Bahagian Perpustakaan Digital PTAR telah menerima 4 orang pelajar Diploma dari Fakulti Pengurusan Maklumat bagi latihan Industri yang terdiri dari:
3. Cik Anis Syuhada binti Azlan dari UiTM Segamat, Johor
4. Cik Nur Afrina Aleeya Binti Nazry dari UiTM Segamat, Johor
5. Cik Nur Suhaila Yusof dari UiTM Machang, Kelantan
6. Cik Nurqurratu'aini binti Mohd Roslan dari UiTM Machang, Kelantan

TAKLIMAT UiTM CAWANGAN KELANTAN CAKNA INTEGRITI

OGOS 18, 2024

25 TAHUN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAKNA INTEGRITI

UiTM Cawangan Kelantan

11 OGOS 2024 (AHAD)
10:00 PAGI - 01:00 TENGAH HARI

BILIK SEMINAR, PTA
UiTM CAWANGAN KELANTAN

PENCERAMAH
ENCIK HISHAMUDIN BIN MOHAMAD TWONTAWI
Timbalan Pendaftar Kanan

Pembelajaran Dan Kemahiran Berkecergaan

UTM | *اوسها. تقوى. موليا*

Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Machang telah mengadakan Program Cakna Integriti Siri 1 & 2 bertempat di Bilik Seminar PTA dan Aras 1 PTA.

Taklimat UiTMCK Cakna Integriti merupakan program perkongsian pengetahuan yang bertujuan memperkasakan kesedaran dan pemahaman integriti dalam kalangan warga UiTM Cawangan Kelantan. Program ini dianjurkan oleh pihak PTA sebagai inisiatif untuk memenuhi KPI/PI No.086 bahagian pendaftar, iaitu ESI/IDART, bagi tahun 2024. Taklimat tersebut akan disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Cawangan Kelantan.

Selain itu, sesi taklimat ini turut disertai dengan perkongsian daripada Unit Kaunseling UiTMCK yang bertujuan untuk memberikan suntikan moral dan semangat kepada warga kampus dalam menjalankan tugas harian mereka di pejabat. Objektif utama taklimat ini termasuk mencapai perancangan strategik UiTMCK berdasarkan KPI/PI yang ditetapkan oleh universiti, memberikan pendedahan mengenai integriti UiTM kepada warga kampus, serta mengurangkan kadar salah laku serta memahami istilah integriti di kalangan warga UiTMCK.



PROGRAM VITAMIN ILMU BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KUBANG BEMBAN

OGOS 22, 2024



Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Machang telah mengadakan mengadakan Program Vitamin Ilmu Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Bemban, Pasir Mas yang telah dijalankan bermula jam 9:00 pagi hingga 1:30 tengah hari bertempat di Bilik Seminar PTA. Program ini melibatkan seramai 34 orang pengawas pusat sumber daripada tingkatan 2 hingga tingkatan 4 dan bersama 4 orang guru pengiring.

Objektif program ini adalah untuk menambahkan ilmu dalam pengurusan pusat sumber sekolah dan menanam ciri-ciri kepimpinan dan motivasi dalam diri masing-masing.

Antara pengisian program:

Taklimat Pemantapan dan Kepimpinan Pengawas PSS Sesi taklimat ini telah dikendalikan oleh Puan Norfitriah Mat Seman (Pustakawan Kanan) yang bertujuan untuk memantapkan kepimpinan dalam bidang tugas masing-masing dalam pengurusan bidang pengawas serta meningkatkan meningkatkan kemahiran kepimpinan mereka sebagai seorang pemimpin.



KOMUNITI SEKOLAH NEGERI SELANGOR TERUJA MELAWAT KOLEKSI JAWI@UITM

OGOS 21, 2024



Tarikh: 21 Ogos 2024/ 16 Safar 1446 (Rabu)

Masa: 10:00 pagi

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

Jumlah Pelawat: 150 orang pelajar dan guru sekolah-sekolah negeri Selangor.

Staf PTAR:

Siti Salwa A. Rahman
Roszainatul Haizan Rusli
Mohd Khairul Idzwan Mohd Saad
Fariz Azuan Harun
Badlee Shah Yahaya
Reza Edwana Mokhtar
Harun Al-Rashid Bahrin
Aedie Azrul Ab Aziz
Ringkasan:

Seramai 150 orang pelajar dan guru sekolah-sekolah negeri Selangor jelas kelihatan teruja apabila dibawa melawat Koleksi Jawi@UiTM di PTAR, galeri PTAR, galeri Tun Abdul Razak dan GESTURZ. Seramai 8 orang staf PTAR telah mengiringi lawatan kumpulan pelawat ini. Kumpulan pelajar dan guru ini adalah peserta Pertandingan Debat Cilik Sekolah-Sekolah Rendah Negeri Selangor yang diadakan di Fakulti Undang-Undang pada 20-23 Ogos 2024 anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

PERSEKUTUAN ALUMNI UITM BERMINTA MENGADAKAN PROGRAM PODCAST DI PTAR

OGOS 21, 2024



Tarikh: 21 Ogos 2024/ 16 Safar 1446 (Rabu)

Masa: 10:00 pagi

Tempat: Ruang Media, PTAR

Wakil PTAR:

Shahidatul Akhmam Rambeli
Mohd Khairul Idzwan Mohd Saad
Pelawat: 3 orang

Mohd Asrul Abu Seman – Persekutuan Alumni UiTM
Abdul Fattah Hussein – Persekutuan Alumni UiTM
Muhammad Luthfi Mohaini – Ketua Pusat Jaringan Alumni UiTM
Ringkasan:

Diiringi oleh Encik Muhammad Luthfi, wakil Persekutuan Alumni UiTM telah hadir melawat kemudahan Ruang Media, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan kemudahan-kemudahan lain yang ditawarkan untuk penganjuran program audio siar (podcast). Lawatan di perpustakaan telah diringi oleh Puan Shahidatul dan Encik Mohd Khairul Idzwan.

**SYABAS: NURUL AIDA DINOBAT PEMBENTANG TERBAIK
SEMPENA KPUA 2024**

OGOS 21, 2024



Syabas diucapkan buat Ketua Unit Pembangunan Bakat, PTAR Puan Nurul Aida Noor Azizi kerana dinobatkan Pembentang Terbaik (Perak) sempena Konvensyen Pentadbir Universiti Awam (KPUA 2024) yang sedang berlangsung di Double Tree Resort, Pulau Pinang.

Terdahulu, Puan Nurul Aida telah membentangkan kertas kerja berjudul *Strategic Talent Management in Academic Libraries: A case study of UiTM library* di konvensyen yang berlangsung selama 2 hari bermula 20 Ogos 2024.

Semoga pencapaian yang membanggakan ini inspirasi kepada rakan-rakan staf perpustakaan UiTM untuk meraih pencapaian yang mahupun lebih baik di masa hadapan.



PAMERAN 25 TAHUN UITM

OGOS 28, 2024



Tarikh: 28 Ogos 2024/ 23 Safar 1446 (Selasa-Rabu)

Masa: 8:00 malam

Tempat: Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC)

Ringkasan:

Sempena sambutan Jubli Perak UiTM yang diadakan di DATC, satu pameran bertemakan 25 tahun UiTM telah berjaya dipamerkan oleh Jawatankuasa Pameran yang ahlinya terdiri daripada Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Puan Siti Salwa A. Rahman, Encik Mohd Azrry Zakaria dan Encik Muhammad Fikree Rahmat. 8 panel pameran bersaiz 8 kaki tingi dan 4 kaki lebar berjudul Sejarah 25 Tahun UiTM Sebagai Sebuah Universiti mengandungi maklumat peristiwa bersejarah UiTM selepas tahun 1999. Antara yang menarik adalah Majlis Pengumuman ITM kepada UiTM pada 26 Ogos 1999 dan Canselor Pertama UiTM. Kini, pameran tersebut telah ditempatkan di aras 4, PTAR UiTM Shah Alam dan terbuka untuk tatapan pengguna perpustakaan dan kumpulan pelawat.



BENGKEL TRANSLITERASI JAWI

OGOS 27-28, 2024



Tarikh: 27-28 Ogos 2024/ 22-23 Safar 1446 (Selasa-Rabu)

Masa: 8:30 pagi – 4:30 petang

Tempat: Bilik Seminar, PTAR

Penceramah: Profesor Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Peserta: 24 orang staf PTAR (Profesional dan Sokongan)

Penganjur: Unit Pembangunan Bakat, PTAR

Ringkasan:

Pengisian Bengkel Transliterasi Jawi yang telah diadakan selama dua hari telah berjaya meningkatkan kefahaman peserta tentang penggunaan tulisan Jawi moden. Buktinya apabila berlaku peningkatan markah penilaian tulisan Jawi selepas bengkel berbanding markah penilaian tulisan Jawi sebelum bengkel.

Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2020 merupakan panduan terkini untuk menyemak ejaan tulisan Jawi moden.

Turut dikongsi panduan transliterasi dan perisian terkini yang boleh digunakan bagi melancarkan proses penukaran huruf Rumi kepada huruf Jawi dan sebaliknya. Sebagai contoh e-jawi makmur, e-jawi2u, keyboard jawi UKM, jawigram dan ejawi.net.

MALAYSIA #QURANHOUR DI PTAR KALI KE-6 TAHUN 2024

OGOS 30, 2024



Tarikh: 30 Ogos 2024/ 25 Safar 1446 (Jumaat)

Masa: 10:00 – 11:00 pagi

Tempat: Library Community Engagement, PTAR

Penceramah: Ustaz Haji Md Idris bin Abdullah, Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam)

Medium: Hibrid (fizikal dan dalam talian)

Penganjur: Unit Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan

Ringkasan:

Bertemakan “Jiwa Merdeka: Memaknai Rukun Negara”, kali ini Malaysia #QuranHour memilih Surah Al-Jumu’ah untuk dihayati hikmah disebalik surah ke-62 dalam Al-Quran. Bacaan dan huraian surah yang mengandungi 11 ayat telah dipimpin oleh Ustaz Haji Md Idris dalam program yang turut dihadiri oleh Ketua Pustakawan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan. Pertama kali bersiaran secara langsung di saluran YouTube Perpustakaan UiTM dan Facebook Perpustakaan UiTM, program ini telah ditonton hampir 200 orang sewaktu bersiaran.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my